

04 FEB 2003

Mahathir-Cameron

DR MAHATHIR SEDIH PEMBANGUNAN CAMERON HIGHLANDS ABAI ALAM SEKITAR

PUTRAJAYA, 4 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedih dengan pembangunan di Cameron Highlands yang mengabaikan soal alam sekitar sehingga menjejaskan keindahan kawasan itu.

Perdana Menteri berkata beliau kecewa kerana sebahagian tempat sudah diratakan sehingga ia tidak lagi kelihatan sebagai kawasan bukit bukau sebaliknya menjadi kawasan tanah pamah.

Katanya, pembangunan Cameron Highlands yang berlaku sekarang ini pastinya juga menjejaskan iklim di kawasan itu.

"Inilah cara sesetengah orang yang terlalu ghairah untuk mendapat keuntungan yang besar. Mereka tidak menghiraukan 'environment' (alam sekitar) dan mereka sanggup untuk menjadikan bukit sebagai tanah rata dan dengan itu segala kecantikan dan keindahan bukit akan hilang," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap melancarkan perayaan ulang tahun kedua Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan serta merasmikan Taman Botani yang menjadi satu lagi tarikan Putrajaya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa pemaju mencari bukit untuk membangunkan sesuatu projek sedangkan, untuk memajukannya, bukit berkenaan terpaksa diruntuhkan.

Jumaat lepas, sebuah melaporkan bahawa sekumpulan syarikat menggunakan peralatan berat secara haram untuk meratakan satu kawasan yang dahulunya adalah sebahagian daripada ladang teh Blue Valley di Cameron Highlands.

Ini dilakukan walaupun Majlis Daerah Cameron Highlands telah mengeluarkan dua perintah menghalang kerja itu. Ekoran itu, Jabatan Tanah dan Galian Negeri telah membuat laporan polis.

Dr Mahathir berkata jika pemaju hendak menjadikan kawasan bukit sebagai kawasan pembangunan, ia tidak sepatutnya diratakan dengan menebang segala pokok dan tumbuh-tumbuhan sehingga tidak lagi menampakkan identitinya sebagai bukit.

Katanya, jika ia diratakan, segala kecantikan bukit dan kehijauan pokok akan hilang dan ia tidak berbeza dengan kawasan-kawasan lain yang terdapat di tanah rata.

Sebaliknya, Dr Mahathir merujuk kepada pembangunan di Putrajaya kerana kawasan seluas 4,500 hektar itu yang dulunya kawasan kelapa sawit, masih mengekalkan ciri-ciri kehijauan serta mempunyai taman-taman dan tasik yang dibina di sekitarnya.

Katanya, Putrajaya yang merupakan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan, dibangunkan dengan penuh prihatin untuk memelihara dan menyelamatkan pokok-pokok sehingga ia menjadi satu kawasan menarik.

"Harga tanah di sini akan meningkat kerana sebahagian besar telah menjadi taman dan tasik. Kita harus sanggup membayar lebih sedikit kerana keindahan kawasan ini," katanya.

Beliau berkata walaupun Putrajaya masih dalam proses pembinaan, ia tidak kelihatan seperti satu kawasan pembinaan, sebaliknya ia seolah-olah sebuah bandar besar yang sudah matang.

Sebanyak 30,000 orang termasuk Dr Mahathir, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta ramai pegawai dan kakitangan kerajaan kini tinggal di Putrajaya.

Perdana Menteri juga berharap "boulevard", sebatang jalan besar sepanjang 4.5 km dari Jabatan Perdana Menteri ke pusat persidangan yang dihiasi pokok-pokok, dapat disiapkan tahun ini dan digunakan untuk perarakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini.

Beliau yakin boulevard itu akan menjadi satu identiti baru negara seperti boulevard di Paris yang menjadi tempat perarakan hari kebangsaan negara itu.

Antara yang hadir pada sambutan itu Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta para menteri dan timbalan menteri.

-- BERNAMA

HS AZZ MAI